

TATACARA PERMOHONAN

- 5.1 Selaras dengan surat YBhg. Dato' Sri KSU rujukan KKM.500-3/4/9 Jld.22(26) bertarikh 27 Januari 2022 **bahawa permohonan Cuti Belajar Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Dengan Tajaan/Biasiswa Asing bagi Pegawai-Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Pegawai Perubatan serta Pergigian Lantikan Tetap Bukan Gunasama di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah dibuka sehingga 30 Jun 2022 menggunakan tatacara permohonan sedia ada untuk kemasukan sesi akademik 2022/2023**. Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman web <http://ehlp.moh.gov.my/>
- 5.2 Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke BPL **selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum tarikh pengajian atau latihan. BPL tidak akan memproses permohonan yang diterima selepas tempoh tersebut.**
- 5.3 Hanya Pegawai yang layak tapisan KKM akan dipertimbangkan untuk ditawarkan kemudahan Cuti Belajar Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan bagi Tajaan Luar. Pegawai yang tidak memohon atau tidak melepasi tapisan KKM walaupun telah ditawarkan tempat pengajian di Institusi atau telah mendapat tajaan luar tidak akan dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar;
- 5.4 Surat tawaran dan dokumen perjanjian akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya oleh Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) melalui Ketua Jabatan masing-masing (Pengarah Kesihatan Negeri / Hospital / Institusi / Bahagian).
- 5.5 Tawaran yang dikeluarkan oleh BPL sahaja dianggap sah untuk mengikuti program latihan ini.
- 5.6 Pegawai hendaklah mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka pendek / panjang yang terdahulu dengan jayanya seperti berikut;

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- 5.7 Pegawai hanya dibenarkan memohon kursus pada peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik yang telah dimiliki.
- 5.8 Pegawai yang pernah diluluskan cuti belajar tetapi gagal kerana kelemahan akademik tidak layak diberi kemudahan cuti belajar dari kategori yang sama. Pegawai berkenaan hanya boleh dipertimbangkan kemudahan cuti belajar di bawah kategori yang lebih rendah daripada kategori cuti belajar yang telah diluluskan sebelumnya. Contohnya, pegawai yang pernah diluluskan CBBP dengan HLP tetapi gagal disebabkan oleh kelemahan akademik hanya layak dipertimbangkan CBTG tanpa HLP setelah menyelesaikan hutang (tuntutan penalti / gantirugi).
- 5.9 Pegawai tidak pernah menarik diri daripada sebarang kursus tajaan Kerajaan Malaysia. Pegawai yang menarik diri dari pengajian tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan dan tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk cuti belajar di sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan.
- 5.10 Pegawai bebas daripada penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (*unfit to practice*) dari segi fizikal dan mental seperti yang terkandung di dalam Akta Perubatan 1971 (Lampiran 1).
- 5.11 Pegawai hanya dibenarkan memohon bidang yang berkaitan dengan tugas semasa serta berkaitan dengan Skim Perkhidmatan berkenaan sahaja. Pegawai tidak dibenarkan memohon bidang lain. Contohnya: Skim Kejururawatan tidak dibenarkan untuk memohon untuk Program Perubatan.
- 5.12 Pegawai yang menerima tawaran ini adalah terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia sebagaimana dinyatakan di dalam ikatan kontrak perjanjian

5.13 Permohonan hendaklah dibuat kepada BPL dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut (**setiap dokumen hendaklah dikemukakan dalam 2 salinan yang lengkap dan disahkan**):

- a) Borang permohonan mengikuti Kursus Dalam Perkhidmatan KKM/CUTIBELAJAR P&P Pengurusan & Profesional yang boleh didapati di laman web berikut iaitu <http://ehlp.moh.gov.my/>
- b) Borang Perakuan Ketua Jabatan (Lampiran C);
- c) Surat (*Covering letter*) daripada Jabatan/Tempat Bertugas dengan sokongan/ulasan dari segi kebenaran mengikuti Latihan/kesesuaian bidang;
- d) Salinan surat tawaran daripada Universiti/Institusi;
- e) Salinan surat tawaran daripada Tajaan Luar / Biasiswa Asing;
- f) Salinan Kad Pengenalan;
- g) Salinan Buku Perkhidmatan terkini yang telah dikemaskini;

5.14 Permohonan hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Program dan disokong oleh Ketua Program mengikut bidang masing-masing.

A. CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP) TANPA HLP

1.0 Prinsip

- 1.1 Cuti ini diberikan kepada pegawai untuk mengikuti kursus bagi pembangunan kompetensi dan bukan untuk kemajuan kerjaya di mana kelayakan yang diperolehi tidak melayakkan pegawai dilantik ke kumpulan perkhidmatan yang lebih tinggi.
- 1.2 Pegawai layak mendapat kemudahan CBBP maksimum dua kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan bagi mengikuti kursus Jangka Panjang.

2.0 Syarat-syarat Permohonan

Pegawai perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- a) Berkhidmat secara tetap;
- b) Disahkan dalam skim perkhidmatan semasa;
- c) Memperoleh markah purata Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 85 peratus bagi tempoh genap tiga (3) tahun kalendar berturut-turut (penilaian genap 12 bulan bagi setiap tahun);
- d) Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan/ Jabatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia), mengikut yang mana berkenaan;
- e) Berumur tidak melebihi 50 tahun untuk peringkat Sarjana dan tidak melebihi 45 tahun untuk peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) (Kursus Jangka Panjang) pada tarikh tutup permohonan, tarikh memulakan pengajian atau satu tarikh yang ditetapkan penaja mengikut mana yang berkenaan;

- g) Telah mendapat tempat di universiti/institusi untuk mengikuti kursus yang diluluskan;
- h) Bebas daripada sebarang pertuduhan dan tindakan tatatertib;
- i) Telah mengisytiharkan harta; dan
- j) Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman/ peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain.

3.0 Pergerakan Gaji

Pegawai yang diluluskan CBBP boleh diberi pergerakan gaji sebenar sepanjang tempoh kursus sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002.

4.0 Kekananan

Tempoh CBBP tidak menjejaskan kekananan.

5.0 Pemangkuan

Pegawai yang sedang memangku apabila diluluskan CBBP yang melebihi 92 hari akan hilang kelayakan pemangkuannya sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1993.

6.0 Kenaikan Pangkat

Pegawai boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dalam tempoh mengikuti kursus tersebut sekiranya telah memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan.

7.0 Bayaran Elaun dan kemudahan

Pembayaran elaun dan kemudahan kepada pegawai yang diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan yang

ditetapkan dari semasa ke semasa. Bayaran-bayaran yang terlibat adalah seperti di bawah:

- a) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal Pegawai dalam perkhidmatan yang dibayar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan telah diluluskan CBBP melebihi tiga bulan, tidak layak diberi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal kecuali bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pensyarah Perubatan yang mengikuti kursus Sarjana Perubatan atau Pergigian yang mana berkenaan.
- b) Imbuan Tetap Perumahan Imbuan Tetap Perumahan (ITP) akan diberi kepada pegawai sekiranya hanya diluluskan CBBP. Bagi pegawai yang diluluskan CBBP dengan ditawarkan biasiswa, mereka boleh memilih sama ada untuk menerima Imbuan Tetap Perumahan atau Elaun Bantuan Sewa Rumah yang disediakan di bawah pakej biasiswa.
- c) Elaun Perumahan Wilayah Elaun Perumahan Wilayah (EPW) tidak akan diberikan kepada pegawai yang mengikuti kursus melebihi 3 bulan.
- d) Elaun Bantuan Sara Hidup dan Bayaran Insentif Wilayah Pegawai yang menghadiri kursus melebihi tiga (3) bulan di dalam atau di luar negeri adalah TIDAK memenuhi syarat kelayakan untuk dibayar Bayaran Insentif Wilayah (BIW). Oleh yang demikian, ketetapan telah dibuat bahawa:
- e) Pegawai yang mengikuti kursus/pengajian melebihi tiga (3) bulan di dalam negara akan dibayar Elaun Bantuan Sara Hidup untuk menggantikan BIW;
- f) Pegawai yang berasal dan bertugas di Semenanjung Malaysia yang diluluskan CBBP untuk mengikuti kursus/pengajian di Sabah/Sarawak layak dibayar Bantuan Sara Hidup mengikut lokasi institusi pengajiannya;
- g) Pegawai yang berasal dari Sabah/Sarawak dan bertugas di Semenanjung yang diluluskan CBBP untuk mengikuti kursus/pengajian

di Semenanjung layak dibayar Bantuan Sara Hidup mengikut lokasi institusi pengajiannya;

- h) Pegawai yang berasal dan bertugas di Sabah dan diluluskan CBBP untuk mengikuti kursus/pengajian di Sarawak layak menerima Bantuan Sara Hidup mengikut lokasi institusi pengajiannya; dan
- i) Pegawai yang berasal dan bertugas di Sabah dan diluluskan CBBP untuk mengikuti kursus/pengajian di Sabah layak menerima Bantuan Sara Hidup mengikut lokasi pengajiannya.

8.0 Elaun / Imbuhan Lain

Pegawai yang diluluskan CBBP layak menerima imbuhan/elaun lain dengan kadar penuh daripada jumlah yang berkeelayakan.

9.0 Faedah Persaraan

Tempoh CBBP boleh di masuk kira bagi tujuan pengiraan faedah persaraan atau faedah terbitan sepertimana diperuntukkan di bawah undangundang pencen yang berkuatkuasa.

10.0 Tempoh Ikatan Kontrak Dan Tuntutan Gantirugi

Pegawai yang menerima kemudahan CBBP adalah dikenakan ikatan kontrak untuk berkhidmat dengan Kerajaan atau dikenakan tuntutan gantirugi sekiranya melanggar syarat-syarat perjanjian sebagaimana dasar yang sedang berkuatkuasa.

B. CUTI BELAJAR TANPA GAJI (CBTG) TANPA HLP

1.0 Prinsip

- 1.1 Cuti ini diberikan kepada pegawai bagi mengikuti kursus di peringkat Pra-Ijazah (Sijil atau Diploma), Ijazah Pertama atau Ijazah Lanjutan yang tidak layak dipertimbangkan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh atau Cuti Belajar Separuh Gaji.
- 1.2 Pegawai layak mendapat kemudahan CBTG maksimum dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan, sama ada kursus di peringkat Sijil / Diploma / Ijazah Pertama atau Ijazah Lanjutan. Kelulusan kali kedua boleh dipertimbangkan di peringkat pengajian yang lebih tinggi daripada yang sebelumnya.

2.0 Syarat-syarat Permohonan

- 2.1 Pegawai perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti mana berikut:
 - a) Berkhidmat secara tetap;
 - b) Disahkan dalam skim perkhidmatan semasa;
 - c) Memperoleh markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurang 85 peratus bagi tempoh sekurang-kurangnya genap dua (2) tahun kalendar berturut-turut (penilaian genap 12 bulan bagi setiap tahun);
 - d) Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan / Jabatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia), mengikut yang mana berkenaan;
 - e) Berumur tidak melebihi 50 tahun untuk peringkat Sarjana dan tidak melebihi 45 tahun untuk peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) (Kursus Jangka Panjang) pada tarikh tutup permohonan, tarikh memulakan

pengajian atau satu tarikh yang ditetapkan penaja mengikut mana yang berkenaan;

- f) Telah mendapat tempat di universiti / institusi pengajian;
- g) Mengikuti kursus yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- h) Mempunyai keupayaan membiayai perbelanjaan yang berkaitan dengan kursus yang akan diikuti;
- i) Mendapat kelulusan penangguhan bayaran hutang dengan Kerajaan sekiranya ada sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 2005;
- j) Bebas daripada sebarang pertuduhan dan tindakan tatatertib;
- k) Telah mengisytiharkan harta; dan
- l) Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman / peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain.

3.0 Pergerakan Gaji

Pegawai yang diluluskan CBTG boleh diberi pergerakan gaji secara isyarat tidak lebih daripada tiga kali pergerakan gaji sepanjang tempoh perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

4.0 Kekananan

Tempoh CBTG layak diambil kira untuk kekananan.

5.0 Pemangkuan

Pegawai yang sedang memangku apabila diluluskan CBTG yang melebihi 92 hari akan hilang kelayakan pemangkuannya sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1993.

6.0 Kenaikan Pangkat

Pegawai boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dalam tempoh mengikuti kursus tersebut sekiranya telah memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan.

7.0 Bayaran Elaun dan Kemudahan

Pegawai yang diluluskan CBTG tidak layak menerima sebarang gaji, Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal, Imbuhan Tetap Perumahan, Elaun Perumahan Wilayah dan elaun-elaun lain mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

8.0 Faedah Persaraan

Tempoh CBTG boleh di masuk kira untuk tujuan pengiraan faedah persaraan atau faedah terbitan sepertimana diperuntukkan di bawah undangundang pencen tertakluk kepada syarat memenuhi semua kriteria sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1998.

9.0 Tempoh Ikatan Kontrak Dan Tuntutan Gantirugi

Pegawai yang menerima kemudahan CBTG adalah dikenakan ikatan kontrak untuk berkhidmat dengan Kerajaan atau dikenakan tuntutan gantirugi sekiranya melanggar syarat-syarat perjanjian sebagaimana dasar yang sedang berkuatkuasa.

**SYARAT-SYARAT CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP)
TANPA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP)
DENGAN TAJAAN LUAR/ BIASISWA BAGI SARJANA PERGIGIAN**

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan melalui portal eHLP **Cuti Belajar Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan Dengan Tajaan Luar/ Biasiswa** oleh Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), KKM.
2. Pemohon hendaklah melalui proses saringan dan memenuhi syarat- syarat yang telah ditetapkan oleh BPL dan Program Kesihatan Pergigian seperti berikut:

2.1 Syarat- Syarat Am Bahagian Pengurusan Latihan

- a. Berkhidmat secara **tetap**;
- b. **Disahkan** dalam skim perkhidmatan semasa;
- c. Memperoleh markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) **tidak kurang daripada 85% bagi mana-mana tiga (3) tahun yang tertinggi daripada lima (5) tahun terakhir perkhidmatan pegawai (penilaian genap 12 bulan bagi setiap tahun).**
Pengecualian penilaian genap 12 bulan bagi tahun penilaian hanya diberikan kepada Pegawai Pergigian wanita yang pernah mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG) atau Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anak tidak melebihi 90 hari dalam tahun penilaian sebagaimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bil 5 Tahun 2014.
- d. Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan/ Jabatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia), mengikut yang mana berkenaan;
- e. Berumur **tidak melebihi 50 tahun untuk peringkat Sarjana dan tidak melebihi 45 tahun untuk peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) (Kursus Jangka Panjang)** pada tarikh permohonan, tarikh memulakan pengajian atau satu tarikh yang ditetapkan penaja mengikut mana yang berkenaan;
- f. **Telah mendapat tempat** di universiti/institusi untuk mengikuti kursus yang diluluskan;
- g. **Bebas** daripada sebarang pertuduhan dan tindakan tatatertib;
- h. Telah **mengisytiharkan harta**;
- i. Pegawai **bukan merupakan Peminjam Tegar** Pinjaman/ peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain; dan
- j. **Semua permohonan** hendaklah merujuk dan mendapat **sokongan Ketua Bidang/ Profesion** dan diperakukan oleh Ketua Program.

2.2 Syarat-Syarat Khusus Program Kesehatan Pergigian

- a. Bagi permohonan Kursus Sarjana Pergigian Klinikal **Luar Negara**, pemohon hendaklah mempunyai **kelulusan / kelayakan tambahan** e.g; *MFDS / MJDF/ MOrth/ Basic Medical Sciences* dan lain-lain kelayakan berkaitan yang disertakan dengan bukti sijil yang telah diperoleh semasa mengemukakan permohonan.
- b. Bagi permohonan kursus Sarjana Pergigian Klinikal **dalam Negara**, pemohon yang **tidak mempunyai kelulusan / kelayakan tambahan** boleh **dipertimbangkan**.
- c. Keperluan kelulusan minimum *International English Language Testing System (IELTS)* untuk permohonan Kursus Sarjana Pergigian seperti berikut:

Luar Negara:

- Pemohon perlu **mempunyai kelulusan IELTS**
- Sekurang-kurangnya skor 7.0 bagi universiti di United Kingdom dan Australia.

Dalam Negara

- Pemohon yang **tidak mempunyai kelulusan IELTS** boleh **dipertimbangkan**. Walau bagaimanapun, permohonan Kursus Dalam Negara yang mempunyai kelulusan *IELTS* akan **diberi keutamaan**.
 - Sekurang-kurangnya skor 6.0 bagi universiti tempatan
- d. Tempoh perkhidmatan **tidak kurang daripada empat (4) tahun** pada tarikh permohonan.
 - e. Pemohon yang memenuhi syarat am oleh BPL dan syarat khusus oleh Program Kesehatan Pergigian perlu melalui proses temuduga dan **melempi saringan temuduga** yang dijalankan.

**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PERMOHONAN CUTI BELAJAR TANPA
HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP)
DENGAN TAJAAN LUAR/ BIASISWA BAGI PROGRAM PERKHIDMATAN
FARMASI**

- 1) Pegawai yang ingin memohon CBBP Tanpa HLP Dengan Tajaan Luar disyaratkan untuk memohon melalui Tawaran Iklan Cuti Belajar (Tawaran A) oleh BPL, KKM dan pegawai perlu lulus saringan temu duga oleh Program Perkhidmatan Farmasi
- 2) Dokumen-dokumen tambahan yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:
 - i. Pelan Tindakan Selepas Tamat Pengajian (PTSTP) (seperti di **Lampiran D** di sistem eHLP);
 - ii. Surat Aku Janji Cuti Belajar Program Farmasi yang telah ditandatangani (seperti di **Lampiran E** di sistem eHLP);
 - iii. Syarat kemasukan ke universiti yang dipohon;
 - iv. Salinan transkrip Ijazah Sarjana Muda / Sarjana;
 - v. Bagi permohonan dengan Mod Kerja Kursus (Coursework), sertakan
 - a) Rangka kursus
 - vi. Bagi permohonan dengan Mod Penyelidikan / Mixed-Mode: Sertakan:
 - b) Surat persetujuan daripada penyelia IPT bagi cadangan topik penyelidikan; dan
 - c) Kertas Cadangan Penyelidikan / disertasi pengajian (panduan menulis seperti di **Lampiran C** di sistem eHLP);
 - vii. Surat tawaran universiti (jika ada); dan
 - viii. Surat tawaran Biasiswa / Tajaan Luar (selain HLP) sekiranya ada